

23 JAN 1998

Mohamed-Rancangan

STESEN TV SWASTA PERLU TINGKATKAN RANCANGAN TEMPATAN

KUALA LUMPUR, 23 Jan (Bernama) -- Kerajaan mahu stesen-stesen televisyen swasta menyiarkan lebih banyak rancangan tempatan bagi memantapkan lagi industri penerbitan rancangan televisyen dan filem di Malaysia.

Menteri Penerangan Datuk Seri Mohamed Rahmat hari ini berkata langkah itu akan dapat mengurangkan pengaliran keluar wang kerana pada kebiasaannya rancangan televisyen dibeli dari luar negara dengan menggunakan dollar Amerika Syarikat.

"Radio Televisyen Malaysia (RTM) telah mula melaksanakannya dan arahan akan dikeluarkan kepada stesen-stesen televisyen lain tidak lama lagi," katanya kepada pemberita selepas menerima kunjungan Timbalan Pengerusi Biro Hubungan Antarabangsa Parti Pekerja Korea Utara Choi Jin Su di Angkasapuri di sini.

Beliau berkata mengikut Dasar Penyiaran Negara, 80 peratus rancangan televisyen hendaklah merupakan rancangan tempatan menjelang tahun 2000.

Katanya stesen televisyen perlu membantu menggalakkan pertumbuhan industri penerbitan rancangan tempatan dengan mengurangkan jumlah pengeluaran rancangan mereka sendiri dan membeli produk terbitan syarikat lain.

Menyentuh saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam yang mahukan syarikat-syarikat perfileman bergabung, Mohamed berkata RTM akan mengurangkan layanan terhadap syarikat individu yang ingin menjual produk terbitan mereka.

Katanya pada masa depan, keutamaan berhubung agihan slot akan diberikan kepada konsortium perfileman yang memenuhi syarat-syarat tertentu yang menghasilkan rancangan berkualiti.

"Sesebuah konsortium mesti antara lain ada modal yang cukup, mempunyai kemudahan studio dan peralatan lengkap... dan kalau konsortium ini memenuhi syarat, kita akan beri keutamaan dan agihan slot yang lebih banyak kepada mereka.

"Saya sanggup menerima lebih banyak produk tempatan baik rancangan televisyen atau filem untuk ditayangkan melalui RTM jika ia boleh dibeli pada harga berpatutan dan mutunya baik," katanya.

Beliau berkata pasaran untuk rancangan tempatan semakin luas dengan bertambahnya bilangan stesen televisyen di tanah air.

Mengenai pertemuannya dengan Choi, Mohamed yang juga Setiausaha Agung Barisan Nasional (BN), berkata ia adalah sebahagian daripada usaha BN untuk menjalin hubungan dengan parti memerintah lain tanpa mengira ideologi mereka.

Katanya lawatan Choi itu juga bertujuan membalas lawatan BN ke Pyongyang baru-baru ini.

Mohamed berkata BN bercadang mengadakan hubungan dengan parti memerintah di Afrika dan Amerika Latin.

Lawatan Choi selama lima hari ke Malaysia berakhir esok. -- BERNAMA  
MAM NMO